

KONSEP *HIMA* DALAM ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

*(THE CONCEPT OF HIMA (PUBLIC RESERVE LAND) IN ISLAM AND ITS
RELATIONSHIP WITH ENVIRONMENTAL PRESERVATION)*

Abdul Basir Mohamad

Abstrak

Hima atau tanah simpanan bukanlah suatu yang asing dalam Islam. Ia wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin lagi. Jika disoroti sejarah zaman sebelum Islam, konsep *hima* ini telah pun dibincangkan oleh para sejarawan, cuma sistemnya berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Islam. Apakah faedahnya *hima* ini? Jika diamati istilah *hima* atau dalam bahasa Melayu disebut sebagai Tanah Simpanan Awam, sudah pasti tergambar dalam pemikiran kita tujuan untuk merizabkan suatu kawasan tanah bagi tujuan pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar. Tetapi dalam zaman sebelum kedatangan Islam, para pembesar Arab menentukan sesuatu kawasan tertentu untuk kepunyaan sendiri. Keluasan tanah tersebut ditentukan sejauh salakan anjing. Apabila sesuatu kawasan *hima* itu ditentukan, orang lain tidak dibenarkan lagi membangunkannya melainkan keizinan pemiliknya. Apabila kedatangan Islam, Rasulullah SAW melarang tindakan tersebut kerana ia boleh menyempitkan kawasan tanah bagi kemudahan orang awam. Lebih-lebih lagi ia boleh merosakkan keseimbangan ekosistem dan ekologi alam persekitaran. Objektif kertas ini adalah untuk mengkaji konsep *hima* menurut Islam di samping mengenal pasti hubungannya dengan pemeliharaan alam sekitar. Metodologi yang digunakan dalam penghasilan kertas ini melalui kajian kepustakaan. Analisis dokumen daripada maklumat dan fakta asal berbentuk buku dan kitab dalam bahasa Melayu dan Arab. Hasilnya dapatlah dikatakan usaha memelihara alam persekitaran sudah pun wujud bersama kedatangan Rasulullah SAW. Usaha tersebut telah pun dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabatnya melalui pelbagai cara, antaranya melalui sistem *hima*.

Kata kunci: *Hima*, Tanah Simpanan Awam

Abstract

Hima or reserve land is not an uncommon in Islam. It existed since the time of the Prophet (pbuh) and the Caliphs of al-Rashidin. If we look back the history of pre-Islamic era, the concept of hima has been discussed by historians, but its system was apparently different from what was practiced by the Prophet and also his Companions. What is the benefit of hima? If we observe the term of hima or in the Malay language is referred to as Public Reserve Land, is certainly reflected in our thinking for the purpose of reserving an area of land for preserving and protecting the environment. But in the days before the advent of Islam, the Arabian dignitaries specify a particular area for their own. That particular area is determined as far as the barking of dogs. When an area is determined, the publics are not allowed to use and develop it unless it has been permitted by its owner. After the advent of

Islam, the Prophet forbade such action as it may constrict the area of land for the convenience of the public. Moreover, it can disturb the ecological and ecosystem balancing on environment. The objective of this paper is to examine the concept of hima according to Islam and to identify its relationship with the environment. The methodology used to produce this paper is through library research. Documental analysis has been used on information and facts from books and articles either in Malay and Arabic. The outcome could be said that in fact the efforts to preserve the environment have already been done by the Prophet Muhammad. These efforts have already been made by the Prophet Muhammad and his Companions through various means, including through the hima system.

Keywords: *Hima, Reserved land*

PENGENALAN

Hima atau tanah simpanan bukanlah suatu yang asing dalam Islam. Ia wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin lagi. Jika disoroti sejarah zaman sebelum Islam, konsep *hima* ini telah pun dibincangkan oleh para sejarawan, cuma sistemnya berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Islam. Apakah faedahnya *hima* ini? Jika diamati istilah *hima* atau dalam bahasa Melayu disebut sebagai Tanah Simpanan Awam, sudah pasti tergambar dalam pemikiran kita tujuan untuk merizabkan suatu kawasan tanah bagi tujuan pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar. Tetapi dalam zaman sebelum kedatangan Islam, para pembesar Arab menentukan sesuatu kawasan tertentu untuk kepunyaan sendiri. Keluasan tanah tersebut ditentukan sejauh salakan anjing. Apabila sesuatu kawasan *hima* itu ditentukan, orang lain tidak dibenarkan lagi membangunkannya melainkan keizinan pemiliknya. Apabila kedatangan Islam, Rasulullah SAW melarang tindakan tersebut kerana ia boleh menyempitkan kawasan tanah bagi kemudahan orang awam. Lebih-lebih lagi ia boleh merosakkan keseimbangan ekosistem dan ekologi alam persekitaran. Objektif bab ini adalah untuk mengkaji konsep *hima* menurut Islam di samping mengenal pasti hubungannya dengan pemeliharaan alam sekitar. Metodologi yang digunakan dalam mengkaji tajuk ini melalui analisis dokumen. Ia diteroka melalui maklumat dan fakta asal berbentuk buku dan kitab dalam bahasa Melayu dan Arab. Hasilnya dapatlah dikatakan usaha memelihara alam persekitaran sudah pun wujud bersama kedatangan Rasulullah SAW. Usaha tersebut telah pun dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabatnya melalui pelbagai cara, antaranya melalui sistem *hima*.

Konsep *hima* atau Tanah Simpanan Awam telah pun wujud dalam undang-undang tanah Islam. *Hima* bererti satu kawasan tanah yang digazetkan oleh pihak pemerintah untuk suatu tujuan tertentu bagi kepentingan dan maslahat masyarakat awam (al-Zuhayli 1989:5/571).

Istilah *hima* berasal daripada bahasa Arab, iaitu *al-hima* yang diertikan oleh *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* sebagai 'tempat menggembala yang dijaga atau sesuatu yang dijaga atau dikawal' (Qamus Besar 2006:529). Akar kata *hima* daripada *hama-yahmi*, bererti menjaga atau memelihara (al-Marbawi 1931:151; Qamus Besar 2006:528). Dari situlah ia dihubungkan dengan istilah *himayah* (pemeliharaan) dan *tahjir* (penentuan had sempadan) (al-Zuhayli 1989:5/571).

Amalan *hima* ini telah pun wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Pada waktu itu, apabila seorang ketua kabilah pergi ke suatu tempat yang subur di padang pasir, ditentukan kawasan tersebut sebagai hak miliknya dengan ketentuan sejauh salakan anjing daripada atas bukit. Setelah ketentuan itu dibuat, binatang peliharaan orang lain tidak boleh lagi dipelihara di kawasan tersebut melainkan dengan keizinan ketua kabilah tersebut (al-Zuhayli 1989:5/571).

Konsep dan amalan *hima* dalam zaman jahiliah berbeza sepertimana yang diamalkan oleh undang-undang Islam. *Hima* dalam zaman jahiliah adalah khusus untuk orang-orang tertentu sahaja. Pada kebiasaannya ia dilakukan oleh golongan yang berkuasa dan berpengaruh dalam masyarakat untuk kepentingan diri sendiri. Apabila golongan yang berkuasa menentukan suatu kawasan sebagai kawasan *hima* untuk kepentingannya, maka ia boleh berbuat apa sahaja di atas tanah tersebut tanpa

mengira kepentingan masyarakat awam. Malah tanpa menghiraukan adakah ia boleh menimbulkan kemudaratan kepada masyarakat ataupun tidak (al-Mawardi 1960:185).

Apabila datangnya Islam, amalan *hima* yang telah diamalkan oleh kabilah Arab ketika itu diperbetulkan. Amalan *hima* seperti itu dilarang oleh Rasulullah SAW dengan alasan jika dibiarkan sebegitu ia boleh menyempitkan kawasan kemudahan masyarakat awam. Di samping itu, ahli masyarakat awam dilarang daripada mengambil sesuatu di atas tanah *hima* sebagai hak milik individu. Ini adalah kerana *hima* merupakan hak milik masyarakat awam secara bersama (al-Zuhayli 1989:5/571). Dalam zaman awal Islam, *hima* ini digazetkan untuk tujuan penempatan kuda milik kerajaan atau milik golongan fakir dan miskin. Ini bermakna, dalam Islam *hima* sudahpun wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin.

HIMA DALAM ISLAM

Konsep dan amalan hima yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah ini telah dihapuskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda baginda yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA yang bermaksud: "Tiada hima dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya" (al-Shawkani 1973:5/308; Abu Daud 1950:180, no.3083; al-Zuhayli 1989:5/572).

Umumnya, maksud hadis di atas ialah sesuatu kawasan tanah awam itu tidak boleh diambil oleh seseorang untuk dijadikan milik persendirian. Tanah milik awam untuk sesuatu kepentingan negara hendaklah digazet dan diwartakan sebagai hak milik awam. Hal ini bagi menjamin sesuatu kawasan penting itu terpelihara dan dilindungi alam sekitarnya di samping menjamin keseimbangan dan keharmonian kehidupan manusia dan habitat lain. Inilah keperluan sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai kawasan awam seperti kawasan taman permainan, kawasan hutan simpan, taman haiwan, kawasan tadahan air, padang ragut dan sebagainya yang dikawal selia oleh pihak berkuasa negara demi keseimbangan pembangunan supaya ia tidak dicerobohi dan dirosakkan oleh pihak tertentu.

Di samping itu, bagi sesuatu kawasan yang boleh dibangunkan atau dimajukan, Islam sangat menggalakkan supaya tanah tersebut dibangunkan. Perbincangan pembangunan tanah terbiar dalam undang-undang tanah Islam dibincangkan dalam tajuk '*ihya' al-mawat'*, iaitu memajukan tanah terbiar. Dalam kes ini, Islam melarang sekiranya *hima* digazetkan bagi tujuan menghalang daripada satu-satu kawasan dimajukan atau diambil manfaat oleh masyarakat awam seperti untuk mendapatkan rumput dan air (al-Zuhayli 1989:5/572). Hal sebegini sering terjadi dalam zaman jahiliah. Sebab itulah apabila diutuskan Rasulullah SAW, baginda memantau hal ini supaya kepentingan awam tidak dicerobohi. Walaupun begitu, baginda tidak melupakan pembangunan tanah dan sumber alam serta menjaga ekosistem alam persekitaran.

Keadaan seperti ini telah pun dilaksanakan di Malaysia sepertimana yang berlaku pada hari ini, iaitu sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai hutan simpan kekal, tanah rizab awam, rizab orang asli, hutan lipur untuk rekreasi, hutan taman negara dan hutan taman negeri-negeri. Hal ini kita dapat lihat di seluruh negara, iaitu terdapat taman-taman rekreasi dan hutan lipur untuk kemudahan dan kegunaan masyarakat awam. Antara taman terbesar ialah Taman Negara yang terletak di negeri Pahang. Semua ini merupakan penerusan sistem *hima* yang telah diperkenalkan oleh Islam pada suatu waktu dahulu yang bertujuan untuk pemeliharaan keseimbangan dan ekosistem semula jadi alam sekitar.

Di samping itu, bagi tujuan penguatkuasaan sama ada secara langsung atau tidak langsung supaya sesuatu kawasan itu sentiasa terpelihara daripada sebarang pencemaran alam sekitar, parlimen telah meluluskan beberapa statut bagi tujuan tersebut. Antaranya:

1. Akta Perhutanan Negara 1984.
2. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.
3. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.
4. Akta Perikanan 1985.

5. Akta Taman Negara 1980.
6. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
7. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
8. Akta Pemeliharaan Babi 1984.
9. Akta Perlombongan Petroleum 1972.
10. Akta Air 1920.
11. Akta Pemuliharaan Tanah 1960
12. Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993.

Sistem *hima* ini juga telah diambil inisiatif dan dihidupkan semula oleh negara-negara lain demi untuk kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh, Arab Saudi yang telah mengenal pasti beberapa lokasi bagi tujuan eko pelancongan dan kawasan rekreasi. Usaha ini telah dilaksanakan dengan kerjasama World Wildlife Fund for Nature. Di Lebanon, *hima* dilaksanakan oleh *Society for the Protection of Nature* bagi tujuan eko pelancongan dan penjagaan alam sekitar. Antara aktiviti yang dilakukan ialah penternakan lebah di samping pemerhatian burung dan pendakian tanah tinggi bagi menggantikan aktiviti perburuan (Widad 2014:193).

Dengan diwujudkan kawasan hutan simpan sebegini, terutamanya hutan lipur, masyarakat awam dapat memperoleh dan mempelajari beberapa manfaat dan faedah, antara lain:

1. Dapat menghayati sejauh mana kepentingan pengekalan alam semula jadi.
2. Dapat menikmati kemudahan istirahat, perkelahan dan riadah di samping menikmati keindahan semula jadi.
3. Dapat menjalani latihan, pembelajaran dan penyelidikan mengenai alam semula jadi.
4. Dapat mengurangkan tekanan fizikal dan emosi ekoran kesibukan kerja harian.
5. Dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk sekitar hasil kunjungan pelancong ke kawasan hutan lipur sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Inilah yang dihuraikan oleh al-Shafie berkaitan dengan hadis di atas, iaitu sesuatu kawasan tanah itu tidak boleh dirizabkan kecuali mengikut dasar yang telah dibuat oleh Rasulullah SAW. Baginda telah merizabkan tanah untuk faedah kaum Muslimin dan masyarakat awam dan bukan untuk diri sendiri (al-Shafie 1993:3/270).

Walaupun dalam hadis itu diberikan kebenaran untuk Rasulullah SAW merizabkan sesuatu tanah untuk diri baginda, tetapi baginda tidak berbuat sedemikian, malah dirizabkan tanah untuk kemanfaatan seluruh ahli masyarakat (Ibn Qudamah t.th.:5/429).

Hadis diatas jelas melarang amalan *hima* sepertimana yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah. Dalam Islam, jika *hima* hendak dilakukan, ia semestinya dilakukan untuk kepentingan masyarakat awam seluruhnya. Itulah yang dimaksudkan *hima* untuk Allah dan Rasul-Nya (al-Mawardi 1960:186; al-Ramli 1992:338).

Daripada perbincangan di atas, dapatlah dikatakan bahawa Islam sangat menitikberatkan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan amalan *hima* ini, kita dapat memahami apakah tujuan sebenar *hima* dilakukan. Sekiranya *hima* tidak dilaksanakan malahan sesuatu kawasan itu secara bebas diberikan atau dinyahmilikkan kepada individu atau pihak-pihak tertentu, apa akan terjadi kepada sesuatu kawasan itu. Sudah pasti ia akan diterokai secara membuta tuli untuk kepentingan sendiri tanpa mempedulikan kesejahteraan orang lain yang akhirnya boleh mengakibatkan bencana kepada alam persekitaran.

Apabila sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai *hima*, maka orang ramai dilarang melakukan aktiviti perburuan, penebangan pokok, pembakaran hutan, pemindahan kayu kayan, pembalakan dan pemusnahan pokok-pokok.

Amalan *hima* ini diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW sendiri. Diriwatkan bahawa Rasulullah SAW merizabkan sebidang tanah di Kota Madinah termasuk sebuah bukit di Baqi'.

Keluasan tanah tersebut ialah enam batu persegi untuk tujuan kemanfaatan bagi golongan Ansar dan Muhajirin (al-Mawardi 1960:185). Begitu juga dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA bahawa Nabi SAW telah merizabkan sebidang tanah di Naqi' (jaraknya lebih kurang 8 batu dari Madinah) untuk kegunaan penempatan kuda orang-orang Islam (al-Zuhayli 1989:5/572; Abu Daud 1950: n.3084).

Kita dapati amalan *hima* ini tidak terhenti pada zaman Nabi SAW sahaja, bahkan diteruskan oleh para Khulafa' al-Rashidin. Sebagai contoh semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA, beliau merizabkan sebidang tanah di satu kawasan yang bernama al-Rabdah (satu kawasan di antara Mekah dan Madinah) untuk kegunaan orang-orang miskin. Begitu juga dalam zaman Khalifah 'Umar RA, beliau merizabkan sebidang tanah untuk kegunaan orang-orang miskin di satu tempat yang bernama Sharaf (satu kawasan berdekatan dengan Mekah) (al-Mawardi 1960:185; al-Zuhayli 1989:5/573)

Daripada beberapa contoh *hima* atau amalan merizabkan suatu kawasan tanah untuk kegunaan awam yang telah dilakukan oleh Nabi SAW dan para Khulafa' al-Rashidin menunjukkan dalam syariat Islam terdapat suatu sistem pemeliharaan dan pengawalan alam sekitar untuk tujuan faedah dan maslahat masyarakat awam. Jika hal ini tidak dipedulikan oleh pihak pemerintah, berkemungkinan besar pihak tertentu yang mempunyai kepentingan diri bebas meneroka sesuatu kawasan secara berleluasa tanpa menghiraukan kepentingan awam yang akhirnya boleh merosakkan alam persekitaran.

KUASA MERIZABKAN DAN MEMBATALKAN TANAH *HIMA*

Secara prinsipnya, merizabkan mana-mana kawasan tanah bagi tujuan diri sendiri atau untuk segolongan tertentu seperti orang-orang kaya, ia tidak dibenarkan dalam undang-undang tanah Islam. Tetapi sekiranya ia dilakukan untuk tujuan kepentingan keseluruhan orang Islam atau untuk orang-orang fakir dan miskin, mengikut pendapat kebanyakan ulama ia dibenarkan (Jumhur fuqaha: Abu Hanifah, Malik dan pendapat yang sahih daripada al-Shafie). Pendapat inilah yang diamalkan oleh Sayyidina Abu Bakar dan 'Umar RA. Para pemerintah tidak boleh merizabkan tanah untuk kepentingan diri sendiri. Apa yang boleh lakukan oleh pihak pemerintah ialah merizabkan sesuatu kawasan untuk tujuan kepentingan umum, seperti tempat pemeliharaan kuda pejuang-pejuang Islam, binatang-binatang jizyah, unta-unta hasil pembayaran zakat dan termasuk juga binatang yang tidak bertuan dan binatang milik golongan miskin (al-Zuhayli 1989:5/572; Ibn Qudamah t.th.:429).

Semua tindakan ini adalah demi untuk mengawal sama ada secara langsung atau tidak langsung alam sekitar termasuk pemeliharaan biodiversiti alam persekitaran semula jadi agar flora dan fauna dapat dikawal, dipantau, dijaga dan dipelihara sebaik mungkin. Hal ini diharapkan dapat menjamin kelestarian alam sekitar dengan mewujudkan hubungan yang baik antara manusia, haiwan dan alam sekitar demi pemeliharaan kepelbagaian alam lingkungan semula jadi.

Pemerintah Islam boleh membatalkan mana-mana tanah *hima* sama ada yang diluluskan olehnya atau pemerintah sebelumnya dan pada waktu yang sama dia boleh menggantikan dengan suatu kawasan tanah yang lain. Hal ini biasanya terjadi demi menjaga kepentingan dan maslahat masyarakat awam (al-Ramli 1992:338; Ibn Qudamah t.th.:430). Lebih-lebih lagi bagi menjamin kelestarian alam sekitar yang bertujuan melindungi sumber semula jadi dan habitat kepelbagaian alam di samping memelihara keseimbangan ekologi setempat.

Dari sudut pemilikan tanah *hima*, ia dimiliki oleh negara, bukannya dimiliki oleh individu tertentu. Oleh itu, individu atau pihak tertentu tidak boleh memohon sesuatu kawasan tanah *hima* untuk kepentingan pihak tertentu. Hal ini adalah untuk menjaga dan mengawal selia sesuatu kawasan itu supaya ia tidak disalahgunakan yang akhirnya boleh merosakkan alam persekitaran.

KETENTUAN PENGGUNAAN TANAH *HIMA*

Demi menjaga alam persekitaran supaya ia sentiasa terjaga dan terpelihara daripada sebarang pencerobohan, pihak pemerintah boleh merizabkan sesuatu kawasan tertentu bagi tujuan dan kegunaan tertentu kepada masyarakat awam. Antara tujuan *hima* itu diwujudkan boleh disenaraikan sepertimana berikut:

1. Penggunaan tanah *hima* tertakluk kepada pihak pemerintah yang merizabkannya. Jika ia ditentukan untuk kegunaan dan faedah semua masyarakat awam, maka faedahnya boleh dinikmati oleh semua golongan manusia sama ada kaya atau miskin. Tetapi jika ia hanya ditentukan untuk faedah masyarakat miskin sahaja, maka golongan kaya dilarang menggunakannya.
2. Untuk kegunaan bagi pemeliharaan haiwan oleh masyarakat miskin dan fakir. Masyarakat miskin kebiasaannya mereka tidak mempunyai tanah untuk tujuan pemeliharaan haiwan. Oleh itu, pihak pemerintah boleh mewujudkan kawasan *hima* yang khusus untuk golongan ini. Apabila ia diwujudkan untuk golongan miskin dan fakir, maka golongan kaya termasuk pihak pemerintah sendiri tidak boleh menggunakan tanah *hima* tersebut. Hal ini pernah terjadi, iaitu Khalifah Umar al-Khattab RA melarang binatang ternakan Uthman bin Affan dan Abdul Rahman bin Auf daripada dipelihara dalam kawasan hima yang ditentukan untuk orang-orang miskin. Begitu juga jika suatu kawasan *hima* itu dirizabkan untuk penempatan binatang yang diperolehi daripada jizyah, sedekah atau binatang-binatang yang akan digunakan untuk peperangan, maka binatang-binatang lain dilarang menggunakan kawasan *hima* itu.
3. Tidak sah merizabkan tanah *hima* untuk semata-mata kepentingan golongan kaya sahaja. Begitu juga tidak boleh ketua negara atau timbalannya merizabkan suatu kawasan tanah untuk diri sendiri.
4. Tidak boleh dikenakan bayaran kepada golongan yang dibenarkan menternak binatang mereka dalam kawasan *hima*.
5. Mengikut mazhab Shafie, pihak yang diberikan hak penggunaan *hima* atau tanah simpanan awam tidak boleh bertindak memiliki tanah tersebut. Malah tanah itu hendaklah dilindungi dan dipelihara peraturan dan syaratnya sebagai tanah simpanan awam.
6. Amalan *hima* dalam zaman awal Islam lebih tertumpu kepada merizabkan satu kawasan bagi ternakan haiwan. Pada hari ini, *hima* boleh diwujudkan demi kepentingan masyarakat awam dan pemeliharaan alam persekitaran. Sebagai contoh, *hima* diwujudkan sebagai kawasan tadahan hujan, kawasan empangan, taman negara, hutan domestik, hutan ameniti, hutan simpan hidupan liar, hutan simpan dara, hutan lipur, hutan perlindungan dan pemeliharaan tumbuhan tertentu.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan *hima* yang lalu dapatlah dikatakan bahawa Islam sangat menitikberatkan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Hal ini tergambar dengan jelas amalan hima yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan kemudian diikuti oleh para Khulafa' al-Rashidin. Rasulullah SAW sangat melarang pihak berkuasa negara menguasai dan memonopoli sesuatu kawasan tanah, kerana tindakan tersebut boleh menafikan hak maslahat masyarakat awam di samping boleh terjadi ketidakseimbangan ekosistem semula jadi alam sekitar. Keadaan ini bermula dengan Islam menegah umat manusia melakukan sebarang kerosakan di atas muka bumi ini. Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW. Rentetan itu, *hima* diwujudkan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Jika dilihat keseluruhan perbincangan berkaitan dengan *hima* dan hubungkaitnya alam sekitar, fokus utama dapat dikatakan bahawa Islam melarang sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat manusia. Seterusnya, Islam mewujudkan suatu sistem supaya ia dicontohi demi kesejahteraan alam sekitar dan segala tindakan penguatkuasaan melalui statut pada hari ini adalah sangat bertepatan dengan kehendak Islam demi mencegah sebarang bentuk pencemaran alam sekitar.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi. 1950. *Sunan Abi Dawud*. 4 juzuk. Kaherah: Matba'at al-Sa'adah.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad. t.th. *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*. 10 juzuk. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi. 1960. *al-Abkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kaherah: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf. 1931. *Qamus al-Marbawi*. Kaherah: Matba'at al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Qamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Shihab al-Din. 1992. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj fi al-Fiqh 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. 8 juzuk. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arab.
- Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. 1973. *Nayl al-Awtar min Abadith Sayyid al-Akhyar Sharh Muntaqa al-Akbar*. 9 juzuk. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Shafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris. 1993. *al-Umm*. 8 juzuk, dalam 7 jilid. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Widad Fadhullah. 2014. Hima Satu Pendekatan Terhadap Kelestarian Alam Sekitar. *Prosiding Seminar Penyelidikan Kelestarian 2014*, hlm.192-198.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. 8 juzuk. Damshiq: Dar al-Fikr.

Abdul Basir Bin Mohamad,(PhD)
 Professor
 Department of Syariah
 Faculty of Islamic Studies,
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Email: abdulbasirmohamad4@gmail.com

Received : 26 September 2017

Accepted : 15 February 2018